

Bil. S 38

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGAL 113)**

**PERINTAH PERJALANAN UDARA
(WILAYAH-WILAYAH SEBERANG LAUT), 1989**

Pemberian Kuasa di bawah Perkara 99

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh Perkara 99 dari Perintah Perjalanan Udara (Wilayah-Wilayah Seberang Laut), 1989 United Kingdom, yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam di bawah cerai (1) bab 2 dari Akta Perjalanan Udara, saya dengan ini memberi kuasa kepada, mulai dari Perintah Akta Perjalanan Udara (Pindaan), 1997 dibuat —

- (a) Pengarah Penerbangan Awam, bagi maksud-maksud Perintah tersebut selain Perkara-Perkara 4(14), 69(1) dan 98;
- (b) ahli-ahli dan pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Penerbangan Awam United Kingdom yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa tersebut untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud Perkara-Perkara yang dinyatakan di dalam ruang pertama Jadual, setakat dan bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam ruang kedua Jadual; dan
- (c) ahli-ahli dan pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Penerbangan Awam United Kingdom yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa tersebut untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud Perkara-Perkara tersebut, sebagai orang-orang yang diberi kuasa, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perkara 99, bagi maksud Perkara-Perkara 59, 60, 87 dan 88.

Semua pemberian kuasa yang dibuat menurut Perkara 92 dari Perintah Perjalanan Udara (Wilayah-Wilayah Seberang Laut), 1977 United Kingdom adalah dibatalkan, mulai dari Perintah Akta Perjalanan Udara (Pindaan), 1997 dibuat.

JADUAL

RUANG PERTAMA

Perkara 7

RUANG KEDUA

MENGELUARKAN surat kebenaran untuk menerbangkan bersabit dengan pesawat terbang.

JADUAL (Sambungan)**RUANG PERTAMA****Perkara 8****RUANG KEDUA**

MEMUASKAN dirinya sendiri bahawa sesebuah pesawat terbang adalah layak untuk diterbangkan menurut Perkara 8(1) dan MENYOKONG kepada Pengarah Penerbangan Awam bahawa surat akuan keselamatan penerbangan boleh dikeluarkan berserta dengan alasan-alasan bagi sokongan sedemikian dan tempoh sahnya yang disokong.

MENENTUKAN peralatan yang difikirkan perlu bagi keselamatan penerbangan (termasuk khasnya keadaan-keadaannya di bawah mana sesebuah pesawat terbang itu boleh diterbangkan dengan barang-barang peralatan yang ditentukan itu tidak dipergunakan).

MENYOKONG jenisnya yang akan ditentukan dalam surat akuan keselamatan penerbangan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan termasuk kumpulan perlaksanaan.

MEMBENARKAN bagi pihak Pengarah Penerbangan Awam pindaan-pindaan kepada syarat-syarat berkaitan dengan surat akuan keselamatan penerbangan.

MENYOKONG kepada Pengarah Penerbangan Awam pengeluaran surat akuan pengesahan, menentukan tempoh sahnya dan syarat-syarat kepada mana ianya tertakluk.

MEMBAHARUI surat akuan keselamatan penerbangan, kecuali bahawa sekiranya tempoh sahnya yang dicadangkan bagi pembaharuan surat akuan keselamatan penerbangan itu melebihi tempoh sahnya surat akuan keselamatan penerbangan yang dahulu maka dia hendaklah meminta nasihat Pengarah Penerbangan Awam sebelum pembaharuan sedemikian.

JADUAL (Sambungan)

RUANG PERTAMA

RUANG KEDUA

MENENTUKAN apa jua pemeriksaan yang dikehendaki untuk dilakukan bagi maksud memastikan sama ada pesawat terbang itu masih selamat diterbangkan.

MENGKEHENDAKI sesebuah pesawat terbang supaya diubahsuai bagi maksud memastikan bahawa ianya masih selamat diterbangkan.

MENYOKONG kepada Pengarah Penerbangan Awam kebenaran orang-orang untuk membuat laporan-laporan dan apa jua syarat yang akan dikaitkan dengan kebenaran sedemikian.

Perkara 8 (7)(a)
Perkara 11(3)
Perkara 11(5)

MEMBENARKAN perkakas yang akan digunakan bagi membaikpulih, membaiki atau mengubahsuai sesebuah pesawat terbang dan caranya membaikpulih, membaiki atau mengubahsuai sedemikian.

Perkara 9

MEMBENARKAN jadual-jadual pemeliharaan bagi sesebuah pesawat terbang (termasuk khasnya enjinnya) dan bagi kelengkapan pesawat terbang, stesen radio dan alat perakam data penerbangan.

Perkara 9
Perkara 10
Perkara 11

MEMBENARKAN orang-orang untuk mengeluarkan surat-surat akuan perlepasan untuk perkhidmatan, surat-surat akuan kajian semula pemeliharaan dan surat-surat akuan kepatuhan dalam sesuatu perkara tertentu.

Perkara 11

MENGARAHKAN supaya surat akuan perlepasan untuk Perkhidmatan dikehendaki untuk dikuatkuasakan bersabit dengan sesebuah pesawat terbang yang berat maksimumnya tidak melebihi 2,730 kilogram dan bersabit dengan mana surat akuan keselamatan penerbangan dalam jenis khas adalah berkuatkuasa.

JADUAL (Sambungan)**RUANG PERTAMA****RUANG KEDUA**

- | | |
|------------------|--|
| Perkara 13 | MEMBENARKAN jenis peralatan yang dikehendaki untuk dipasang di sesebuah pesawat terbang. |
| Perkara 14 | MEMBENARKAN jenis-jenis peralatan radio yang boleh dipasang di sesebuah pesawat terbang dan cara memasangnya dan mengeluarkan kebenaran sedemikian yang akan disertakan dengan surat akuan keselamatan penerbangan bagi pesawat itu. |
| Perkara 16 | MENGKEHENDAKI ATAU MEMBENARKAN waktu-waktu bila sesebuah pesawat terbang itu hendak ditimbang dan kedudukan pusat gravitinya ditentukan dan cara penimbangan dan penentuan sedemikian termasuk kebenaran barang-barang untuk dimasukkan dalam berat asas pesawat terbang itu dan beratnya untuk dimasukkan semasa menentukan pusat gravitinya. |
| Perkara 17 | MENGKEHENDAKI pemeriksaan-pemeriksaan, penyiasatan-penyiasatan, ujian-ujian, penyelidikan-penyelidikan dan percubaan-percubaan penerbangan yang mungkin dianggap perlu bagi maksud-maksud Bahagian III dari Perintah tersebut. |
| Perkara 46(2)(a) | MEMBENARKAN penyusunan di bawah mana sesuatu jalan keluar boleh dirintangi oleh barang-barang. |
| Perkara 46(8) | MEMBENARKAN penyusunan di bawah mana sesebuah pesawat terbang boleh diterbangkan dengan suatu pintu keluar tidak boleh dipergunakan dan bilangan penumpang-penumpang yang berkaitan. |
| Perkara 62(5) | MEMPERSETUJUI perubahan kepada buku panduan penerbangan, jadual pelaksanaan atau dokumen lain yang dimasukkan dengan rujukan dalam surat akuan keselamatan penerbangan. |

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1420
bersamaan dengan 11 haribulan Ogos, 1999.

**PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA AWANG HAJI SULAIMAN**
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.